

Headline	Bantu 54,509 asnaf sambut Syawal		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	08 May 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	21	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	354 cm²
Journalist	ZAREEF MUZAMMIL	AdValue	RM 3,486
Frequency	Weekly	PR Value	RM 10,457



LZS agih RM26.3 juta

Bantu 54,509 asnaf sambut Syawal

OLEH **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Seramai 54,509 penerima dalam kategori asnaf fakir dan miskin di Selangor berpeluang membuat persiapan awal menyambut kedatangan Ramadan dan Syawal apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagihkan sumbangan RM26.3 juta, pada tahun ini.

Ketua Pegawai Penyelarasnya, Abdul Basith Hamid berkata, jumlah itu meningkat berbanding 48,000 penerima membabitkan agihan sebanyak RM24 juta, tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, bantuan pembayar zakat diperlukan bagi membolehkan urusan agihan kepada penerima dapat dilaksanakan secara berterusan.

"Ramai beranggapan LZS dalam keadaan mewah dengan kutipan zakat tahun lalu mencecah RM800 juta, tetapi keperluan sebenar agihan adalah tinggi sehingga mencapai RM900 juta.

"Saya merayu kepada pembayar zakat yang mahu menunaikan kewajipan berzakat keluar dari Selangor untuk mengkaji semula keperluan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Bantuan Ramadan dan Aidilfitri kepada asnaf, fakir miskin serta mualaf Selangor 2019 di Dewan Alwi Institut Penye-

lidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini, pada 28 April lalu.

Terdahulu, program itu dirasmikan Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Sementa, Dr Daroyah Alwi.

Difahamkan, pelaksanaan agihan zakat kepada golongan terbabit akan dijalankan di setiap daerah secara berperingkat sehingga penghujung Ramadan.

Pada masa sama, Abdul Basith turut mengingatkan mereka yang berhijrah ke Selangor atas urusan pekerjaan supaya melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar zakat.

"Mengaut rezeki di Selangor tetapi jika tidak mahu membayar zakat di negeri sama adalah satu kezaliman kepada golongan asnaf.

"Justeru, bantu dan sokonglah LZS kerana setiap kutipan yang diterima akan diagihkan dengan sempurna serta memberikan manfaat kepada yang memerlukan," katanya.